

SISTEM SOKONGAN INFORMAL DAN PENGALAMAN PENUAAN WANITA WARGA EMAS TUNGGAL DI KAWASAN LUAR BANDAR PERLIS

Nor Hafizan Habib Sultan, Siti Norayu Mohd Basir, Norhudi'in Danu@ Dadoo

*Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan & Komunikasi
Universiti Malaysia Perlis
Kampus UniCITI Alam, 02100 Padang Besar, Perlis, Malaysia*

**norhafizan@unimap.edu.my*

ABSTRAK

Kajian ini meneroka fasa transisi Negeri Perlis menuju status wilayah menua, sebuah fenomena demografi yang dipercepatkan oleh trend migrasi keluar golongan belia berproduktiviti tinggi ke luar negeri. Ditambah pula dengan jangka hayat wanita (75.1 tahun) yang dikesan lebih panjang berbanding lelaki (68.9 tahun). Sebilangan besar wanita warga emas di kawasan luar bandar Perlis berisiko tinggi mengharungi fasa penuaan mereka secara tunggal. Di sebalik status sifar miskin tegar yang dicapai negeri, kelonggaran sistem sokongan keluarga tradisional akibat desakan ekonomi moden serta kekangan kemudahan penjagaan formal kerajaan mendedahkan golongan rentan ini kepada isolasi sosial dan emosi. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menerokai pengalaman penuaan harian (*lived experiences*) wanita warga emas tunggal di kawasan luar bandar Perlis, sekali gus menganalisis peranan serta dinamika sistem sokongan informal komuniti dalam membantu kelangsungan hidup mereka. Bagi mencapai matlamat tersebut, penyelidikan kualitatif ini menggunakan pendekatan etnografi berfokus di perkampungan luar bandar. Data primer dikumpul menerusi teknik pemerhatian ikut serta dan temu bual mendalam bersama empat wanita berumur 60 tahun ke atas yang tinggal bersendirian tanpa pasangan. Hasil kajian menunjukkan jaringan sokongan informal, khususnya jiran tetangga dan institusi masjid, bertindak sebagai jaringan keselamatan sosial yang sangat kritikal namun rapuh akibat hakisan nilai kekeluargaan semasa. Penyelidikan ini penting dalam membekalkan input mikro-antropologi yang mendalam bagi membantu agensi kebajikan seperti Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) merangka dasar perlindungan sosial berasaskan komuniti yang mampan dan inklusif.

Kata Kunci: Antropologi Sosial, Penuaan, Wanita Warga Emas Tunggal, Sistem Sokongan Informal, Perlis.

PENGENALAN

Fenomena penuaan penduduk merupakan salah satu transisi demografi paling signifikan yang dihadapi oleh masyarakat dunia pada abad ke-21 (Berg-Weger & Morley, 2020). Malaysia tidak terkecuali daripada menerima kesan gelombang ini, malah kadar peralihan demografi di negara ini dikesan berlaku pada kadar yang jauh lebih pantas berbanding beberapa negara maju (Tenteram, 2026). Berdasarkan unjuran Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM, 2026), Malaysia dijangka akan mencapai status “negara tua” (aged nation) menjelang dekad 2040-an apabila populasi penduduk berumur 60 tahun ke atas mencecah 15 peratus daripada keseluruhan jumlah penduduk. Peralihan yang pantas ini dipacu oleh tiga faktor utama, iaitu kemerosotan kadar kesuburan secara berterusan (daripada 4.9 pada tahun 1970

kepada sekitar 1.6 pada tahun 2025), peningkatan jangka hayat hasil daripada kemajuan sektor kesihatan awam, serta kemasukan generasi *baby boomers* ke fasa emas secara serentak (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [KPWK], 2026).

Di peringkat sub-nasional, transisi demografi ini mempamerkan variasi yang ketara mengikut wilayah iaitu Negeri Perlis kini berada di barisan hadapan menuju status wilayah menua. Berbeza dengan trend penuaan semula jadi yang dialami oleh negeri-negeri lain, fenomena penuaan di Perlis dipercepatkan secara drastik oleh faktor migrasi keluar (*out-migration*) golongan belia berproduktiviti tinggi yang berhijrah ke negeri-negeri maju demi memburu peluang sosioekonomi yang lebih stabil (Muhammad Azmir, 2025). Keadaan ini menyebabkan populasi di kawasan luar bandar Perlis mula didominasi oleh golongan warga emas, sementara pasaran buruh tempatan mengalami penyusutan tenaga kerja muda (DOSM, 2025). Akibat daripada penghijrahan ini, rantai penjagaan dalam keluarga mula retak, meninggalkan sebahagian besar golongan tua tanpa sokongan fizikal daripada waris terdekat di rumah.

Peralihan demografi ini menjadi lebih kompleks apabila dianalisis menerusi lensa gender. Secara umumnya, wanita membentuk majoriti populasi warga emas kerana memiliki jangka hayat yang lebih panjang berbanding lelaki (DOSM, 2022). Di peringkat nasional, jangka hayat wanita Malaysia adalah sekitar 78 tahun berbanding lelaki sekitar 74 tahun (Tenteram, 2026). Bagi Negeri Perlis pula, jangka hayat wanita dikesan mencecah 75.1 tahun manakala lelaki hanya mencatatkan 68.9 tahun (DOSM, 2022). Ditambah lagi dengan keunikan data demografi Perlis di mana ia merupakan satu-satunya negeri di Semenanjung Malaysia yang mencatatkan nisbah jantina perempuan melebihi lelaki, iaitu sebanyak 99 lelaki bagi setiap 100 perempuan, bertentangan dengan purata nasional yang merekodkan 110 lelaki bagi setiap 100 perempuan (DOSM, 2025). Implikasi daripada jurang jangka hayat dan nisbah jantina ini ialah peningkatan kebarangkalian wanita di Perlis mengharungi fasa penuaan mereka secara tunggal, sama ada disebabkan kematian pasangan (balu) atau hidup bersendirian (Chen *et al.*, 2019).

Seiring dengan peningkatan bilangan wanita warga emas tunggal, berlaku satu lagi transformasi sosial yang membimbangkan di luar bandar, iaitu kerapuhan sistem sokongan keluarga tradisional. Sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada dekad 1970-an, landskap sosioekonomi Malaysia telah beralih daripada berasaskan agrarian kepada ekonomi perindustrian dan pembandaran. Proses pemodenan dan urbanisasi ini telah menukar struktur keluarga besar (*extended family*) kepada keluarga nuklear (*nuclear family*), sekali gus melonggarkan nilai-nilai tradisi seperti tanggungjawab filial (*filial piety*) yang dahulunya mewajibkan anak-anak menjaga ibu bapa yang tua secara fizikal (Chen *et al.*, 2019). Ketiadaan anak-anak secara fizikal di rumah mendedahkan wanita warga emas luar bandar kepada isu peminggiran sosial, kesunyian yang kronik, serta kemerosotan kesihatan emosi yang dikenali sebagai "sindrom sarang kosong" (*empty-nest syndrome*) (Berg-Weger & Morley, 2020).

Fenomena ini turut dicerminkan oleh lonjakan nisbah tanggungan warga emas (*old-age dependency ratio*) di Perlis. Mengikut rekod sejarah lonjakan nisbah tanggungan ini telah meningkat secara ketara daripada 7 kepada 10 orang warga emas bagi setiap 100 penduduk kumpulan umur bekerja (DOSM, 2025). Peningkatan bebanan tanggungan ini meletakkan cabaran besar kepada sistem perlindungan sosial formal yang sedia ada yang sering kali dihalangi oleh kekangan kapasiti institusi kebajikan kerajaan seperti Rumah Seri Kenangan (RSK) serta kos yuran pusat jagaan swasta yang berada di luar kemampuan golongan B40 luar bandar. Justeru, di sebalik kewujudan sokongan formal, sokongan tidak formal (*informal support*) yang merangkumi peranan jiran tetangga, rakan karib dan institusi komuniti setempat seperti masjid menjadi sangat kritikal dalam mengisi lompong penjagaan ini (Wan Ibrahim, 2007).

Atas dasar itu, kajian kualitatif ini dijalankan bertujuan untuk menerokai pengalaman penuaan harian (*lived experiences*) wanita warga emas tunggal di kawasan luar bandar Perlis, sekali gus menganalisis peranan serta dinamika sistem sokongan informal komuniti dalam membantu kelangsungan hidup harian mereka. Kajian ini penting dalam membekalkan input mikro-antropologi yang mendalam bagi membantu agensi kebajikan tempatan, khususnya Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), untuk merangka dasar perlindungan sosial berasaskan komuniti yang mampan dan inklusif.

PERNYATAAN MASALAH

Jurang jantina yang signifikan dalam jangka hayat penduduk di Perlis, iaitu wanita hidup lebih lama (75.1 tahun) berbanding lelaki (68.9 tahun), mewujudkan risiko yang sangat tinggi bagi wanita untuk mengharungi fasa akhir hayat mereka secara tunggal sebagai balu (Jabatan Perangkaan Malaysia [DOSM], 2022). Fenomena ini diburukkan lagi oleh nisbah jantina unik di Perlis yang menyaksikan populasi wanita mengatasi populasi lelaki (99 lelaki bagi setiap 100 wanita), bertentangan dengan trend nasional yang mencatatkan 110 lelaki bagi setiap 100 perempuan (DOSM, 2025). Di sebalik transisi demografi ini, trend migrasi keluar (*out-migration*) yang tinggi dalam kalangan belia luar bandar ke bandar-bandar industri demi kelangsungan ekonomi telah mempercepatkan kadar penuaan di negeri tersebut (Muhammad Azmir, 2025). Akibat daripada penghijrahan ini, landskap sosial di kawasan luar bandar Perlis kini didominasi oleh wanita warga emas yang terpaksa tinggal bersendirian tanpa sokongan fizikal daripada waris terdekat di rumah.

Ketiadaan anak secara fizikal di sisi mendedahkan wanita warga emas tunggal kepada isu kesunyian yang kronik dan peminggiran sosial (Chen *et al.*, 2019). Di peringkat kebangsaan, dianggarkan sekitar 23% (538,000 orang) warga emas mengalami "sindrom sarang kosong" (*empty nest syndrome*) akibat hidup berasingan dengan anak (Raihan Mokti, 2023). Keadaan psikologi ini menjadi lebih kritikal apabila dikaitkan dengan kemerosotan tahap kesihatan fizikal yang lazim berlaku seiring peningkatan usia. Berdasarkan dapatan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2025, sebanyak 68% warga emas di Malaysia menghidap sekurang-kurangnya dua penyakit kronik, manakala 45% mengalami sarkopenia (kehilangan jisim otot) dan 60% lagi berisiko mengalami kerapuhan fizikal (Mohamad Fadli, 2026). Kemerosotan fungsional ini secara drastik menghadkan keupayaan mereka untuk menguruskan Aktiviti Kehidupan Harian (*Activities of Daily Living* - ADL) secara berdikari.

Malangnya, sistem perlindungan sosial formal yang sedia ada masih belum mampu menampung lompong penjagaan ini dengan berkesan. Bantuan kewangan sedia ada seperti Bantuan Warga Emas (BWE) sebanyak RM350 sebulan daripada JKM hanya merangkumi sekitar 40% daripada perbelanjaan asas bulanan warga emas (Bank Negara Malaysia, 2022). Alternatif penempatan percuma di institusi kebajikan awam seperti Rumah Seri Kenangan (RSK) Kangar pula dihadkan oleh saringan sosioekonomi yang ketat serta tempoh menunggu kelulusan yang lama, iaitu antara 4 hingga 12 bulan. Manakala pihak swasta pula, yuran bulanan pusat jagaan di Perlis walaupun lebih kompetitif iaitu antara RM1,000 hingga RM1,800 berbanding Kuala Lumpur sekitar RM2,000 hingga RM4,500 tetapi kadar ini tetap berada jauh di luar kemampuan keluarga luar bandar yang rata-ratanya berada dalam kelompok B40.

Isu perlindungan formal ini menjadi lebih parah apabila terdapat kelemahan tadbir urus dan ketidakcekapan operasi agensi kebajikan rasmi di peringkat negeri (Jabatan Audit Negara, 2018). Laporan Ketua Audit Negara mendedahkan terdapat kelemahan pengurusan fizikal dan peruntukan bajet bagi projek perumahan serta membaik pulih rumah asnaf yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dan JKM Perlis. Isu perbezaan ketara antara sasaran dan realiti unit rumah yang dibina atau dibaik pulih secara langsung mendedahkan wanita warga emas tunggal asnaf kepada risiko keselamatan

persekitaran tempat tinggal yang tidak selamat serta tidak mesra usia (Jabatan Audit Negara, 2018).

Sebagai alternatif, wanita warga emas tunggal di luar bandar Perlis terpaksa bergantung sepenuhnya kepada jaringan sokongan informal komuniti seperti jiran tetangga dan institusi masjid. Walau bagaimanapun, rangkaian tidak formal ini sangat rapuh (Muhammad Azmir, 2025). Hal ini kerana, jiran tetangga hanya bertindak sebagai penyelamat kecemasan yang berasaskan ihsan sukarela tanpa sebarang latihan kemahiran profesional dalam mengendalikan warga emas yang mengalami masalah kesihatan mental, kemerosotan kognitif atau penyakit kronik yang kompleks (RTM, 2026).

Sehubungan itu, terdapat jurang penyelidikan (*research gap*) yang ketara di mana data mikro-antropologi kualitatif yang meneroka pengalaman hidup sebenar (*lived experiences*) wanita warga emas tunggal di luar bandar Perlis masih amat terhad. Tanpa pemahaman mendalam tentang bagaimana sistem sokongan informal ini berfungsi adalah sukar bagi pembuat dasar seperti MAIPs dan JKM untuk merangka pelan intervensi kebajikan berasaskan komuniti (*community-based care*) yang mampan, kos-efektif dan inklusif (Tenteram, 2026).

SOROTAN KARYA

Sorotan karya ini membincangkan isu penuaan dari perspektif multidimensi, merangkumi aspek fizikal, mental dan sosial yang saling mempengaruhi kualiti hidup warga emas. Bagi memahami realiti kehidupan wanita warga emas tunggal di kawasan luar bandar Perlis, bahagian ini dibahagikan kepada sub-tema khusus yang membincangkan kerentanan gender, kerangka teoritikal penuaan serta dinamika sistem sokongan sosial.

Dimensi Gender dan Kerentanan Wanita Warga Emas Tunggal Luar Bandar

Penuaan dalam kalangan wanita luar bandar membawa set cabaran yang berbeza berbanding lelaki. Jurang jangka hayat yang signifikan, di mana jangka hayat wanita dikesan lebih panjang (75.1 tahun di Perlis) berbanding lelaki (68.9 tahun), mendedahkan golongan wanita kepada risiko yang lebih tinggi untuk hidup bersendirian pada fasa akhir hayat mereka disebabkan oleh kematian pasangan (balu). Kehilangan pasangan bukan sahaja merubah status perkahwinan, malah memaksa perubahan tanggungjawab sosial yang drastik daripada seorang pengurus rumah tangga atau individu yang berkongsi beban hidup kepada seorang benefisiari yang bergantung sepenuhnya kepada sokongan luar.

Di kawasan luar bandar seperti Perlis, situasi ini diburukkan lagi oleh trend migrasi keluar (*out-migration*) golongan muda ke kawasan bandar industri demi kelangsungan ekonomi. Penghijrahan anak-anak mendedahkan wanita warga emas tunggal kepada "sindrom sarang kosong" (*empty-nest syndrome*) yang menyumbang kepada masalah kesunyian yang kronik dan isolasi emosi.

Menurut dapatan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2025 yang dilaporkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), jumlah warga emas yang hidup sendirian di Malaysia dikesan telah meningkat sebanyak tiga kali ganda. Tinjauan tersebut turut mendedahkan bahawa 68% warga emas di Malaysia menghidap sekurang-kurangnya dua penyakit kronik, manakala 45% mengalami sarkopenia (kemerosotan jisim otot) dan 60% lagi berisiko tinggi mendepani kerapuhan fizikal (*physical frailty*). Kemerosotan fungsional ini mengehendakkan keupayaan mereka untuk melaksanakan Aktiviti Kehidupan Harian (*Activities of Daily Living* - ADL) secara berdikari, sekali gus meningkatkan kebergantungan mereka kepada sistem sokongan yang ada di sekeliling mereka.

Di Amerika Syarikat, Shuffler (2022) menerusi satu ulasan skop (*scoping review*) mengenai cabaran penjagaan luar bandar membuktikan bahawa warga emas di kawasan pedalaman didapati kurang terlibat dalam aktiviti sosial, mempunyai status sosioekonomi yang lebih rendah, serta lebih cenderung hidup sendirian dalam keadaan uzur. Shuffler (2022) turut menegaskan bahawa penjaga informal (*informal caregivers*) di kawasan luar bandar terpaksa meluangkan masa penjagaan harian yang jauh lebih panjang (secara purata 24.4 jam seminggu) berbanding di bandar, namun mereka kurang menerima sokongan kebajikan atau fleksibiliti daripada majikan, sekali gus meningkatkan risiko kemerosotan kesihatan fizikal dan penyakit kardiovaskular penjaga itu sendiri.

Kerangka Teoritikal Penuaan dan Sokongan Sosial

Bagi menjelaskan mekanisme bagaimana wanita warga emas tunggal mengekalkan kesejahteraan mereka di sebalik pelbagai kekangan ini, penyelidikan ini disandarkan kepada dua kerangka teori utama:

Teori Sokongan Sosial (*Social Support Theory*)

Teori Sokongan Sosial yang dipelopori oleh Cohen *et al.* (1985) menyatakan bahawa sokongan sosial bertindak sebagai sumber bantuan penting (merangkumi dimensi emosi, instrumental, dan maklumat) yang diberikan oleh individu, rangkaian komuniti, atau organisasi. Dalam konteks penuaan luar bandar, sokongan ini bertindak sebagai penampan (*buffering effect*) yang melindungi warga emas daripada kesan patogenik atau tekanan psikologi akibat isolasi sosial. Ketersediaan sokongan informal yang rapat membolehkan warga emas tunggal berasa dihargai, selamat, dan berupaya mendepani krisis kesihatan atau kecemasan harian dengan lebih baik.

Teori Pertukaran Sosial (*Social Exchange Theory*)

Teori Pertukaran Sosial (Dowd, 1975, 1984; Homans, 1958) menganalisis interaksi manusia sebagai transaksi yang berasaskan analisis kos dan faedah (*cost-benefit analysis*). Apabila seseorang individu menua dan mengalami kemerosotan ekonomi serta fizikal, mereka kehilangan sumber material untuk disumbangkan kembali kepada rangkaian sosial mereka, menyebabkan hubungan menjadi tidak seimbang kerana mereka bertindak sebagai penerima bantuan bersih (*beneficence*). Keadaan kebergantungan sehalu tanpa keupayaan untuk membalas semula (*reciprocity*) ini dikesan boleh mencetuskan perasaan bersalah (*guilt*) dan menurunkan harga diri warga emas.

Walau bagaimanapun, teori ini turut menjelaskan bahawa warga emas boleh mengimbangi pertukaran ini menerusi sumbangan bukan material, seperti perkongsian nasihat, bimbingan moral, doa atau penglibatan sukarela dalam aktiviti keagamaan di masjid kariah.

Peranan Jiran Tetangga dan Masjid sebagai Jaringan Sokongan Informal

Di kawasan luar bandar, jaringan sokongan informal berfungsi sebagai "talian hayat" barisan hadapan bagi warga emas tunggal. Berdasarkan sorotan literatur, peranan jiran tetangga adalah sangat kritikal terutamanya dalam aspek sokongan instrumental seperti memantau keadaan fizikal rumah warga emas secara harian, menghantar makanan serta memberikan bantuan pengangkutan segera ke klinik kesihatan. Keakraban hubungan kejiranan luar bandar turut dizahirkan menerusi inisiatif kesukarelawan setempat seperti Perlis Volunteer Action Club (PVAC) dan program "Ziarah Kasih" yang kerap digerakkan oleh pemimpin kariah untuk menyantuni golongan tua yang uzur dan hidup sendirian.

Selain jiran, institusi masjid di Malaysia, terutamanya di kawasan luar bandar yang didominasi oleh penganut beragama Islam bertindak sebagai pusat pembangunan spiritual dan interaksi sosial yang dinamik. Masjid bukan sahaja membantu warga emas wanita mendalami ilmu agama bagi mencapai "penuaan positif" (*positive ageing*), malah berfungsi sebagai platform peneman sosial yang berkesan.

Menyedari peranan penting ini, terdapat keperluan mendesak untuk memastikan prasarana masjid dinaik taraf bagi menepati kriteria masjid mesra warga emas dan OKU (seperti laluan kerusi roda rata, pemegang tangan di tandas dan tempat wuduk mesra duduk dengan sensor automatik) selaras dengan garis panduan pembangunan komuniti inklusif (Zainal & Mustapha, 2024). Program sokongan rakan sebaya berasaskan masjid, seperti "Projek O.P.P.A", membuktikan bahawa institusi agama berupaya melatih jemaah tempatan untuk menyalurkan sokongan emosi dan moral secara proaktif kepada golongan warga emas yang terpinggir.

Jurang Kebijakan: Perlindungan Formal lawan Pemerksaan Informal

Wan Ibrahim (2007) menjelaskan bahawa sistem sokongan warga emas terbahagi kepada sistem formal (agensi kerajaan, skim pencen, institusi kebajikan) dan tidak formal (keluarga, jiran, komuniti). Beliau menegaskan bahawa kebajikan warga emas yang optimum hanya akan tercapai sekiranya terdapat sinergi yang seimbang dan erat antara kedua-dua sistem tersebut, iaitu sistem formal berfungsi sebagai pelengkap kepada sistem tidak formal yang semakin terbeban.

Di Malaysia, bantuan formal seperti Bantuan Warga Emas (BWE) sebanyak RM350 sebulan daripada JKM, bantuan zakat MAIPs, serta kemudahan Rumah Seri Kenangan (RSK) sememangnya membantu. Namun begitu, kekangan birokrasi, saringan sosioekonomi yang ketat, kapasiti institusi kerajaan yang terhad, serta kos pusat jagaan swasta yang tinggi meletakkan bebanan penjagaan kembali kepada komuniti.

Kajian penilaian ke atas program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) oleh JKM membuktikan bahawa program kebajikan berasaskan komuniti (*community-based care*) iaitu sukarelawan terlatih melawat dan menguruskan warga emas di rumah mereka sendiri bukan sahaja memberikan sokongan psikososial yang lebih baik untuk membolehkan warga emas menua di kediaman sendiri (*ageing in place*), malah menjimatkan peruntukan kerajaan sehingga 74.71% bagi setiap klien berbanding kos operasi di institusi seperti RSK. Sinergi sebegini menunjukkan peri pentingnya mengintegrasikan dasar perlindungan formal kerajaan dengan rangkaian informal komuniti luar bandar demi kelangsungan hidup warga emas yang mampan.

Sorotan Karya Luar Negara (Perspektif Global)

Bagi mendapatkan pemahaman yang lebih komprehensif, isu penuaan dan kelangsungan sistem sokongan luar bandar perlu disoroti melalui lensa global. Penyelidikan antarabangsa dalam bidang gerontologi sosial secara umumnya membahagikan isu ini kepada tiga tema utama iaitu kemunduran geografi terakumulasi, dinamika sinergi sokongan formal-informal di Asia dan model pemerksaan rakan sebaya (*peer-to-peer*) di Barat.

Kemunduran Geografi Terakumulasi (*Accumulated Disadvantage*) di Kawasan Pedalaman

Kajian di peringkat global menunjukkan bahawa warga emas yang menetap di kawasan luar bandar dan pedalaman mendepani isu "kemunduran terakumulasi" (*accumulated disadvantage*) yang jauh lebih parah berbanding rakan sebaya mereka di bandar (United Nations Economic Commission for Europe [UNECE], 2015). Laporan dasar UNECE (2015) mendedahkan bahawa kepadatan penduduk yang rendah, jarak geografi yang ekstrem dan

ketiadaan sistem pengangkutan awam yang bersepadu menyebabkan kos penyediaan prasarana sosial dan kesihatan di luar bandar menjadi sangat mahal dan tidak cekap untuk diselenggara oleh kerajaan. Keadaan ini meletakkan warga emas luar bandar dalam kedudukan berisiko tinggi terhadap pengasingan sosial, kemiskinan di usia tua dan keciciran akses kesihatan kecemasan.

Di Amerika Syarikat, Shuffler (2022) menerusi satu ulasan skop (*scoping review*) mengenai cabaran penjagaan luar bandar membuktikan bahawa warga emas di kawasan pedalaman didapati kurang terlibat dalam aktiviti sosial, mempunyai status sosioekonomi yang lebih rendah, serta lebih cenderung hidup sendirian dalam keadaan uzur. Shuffler (2022) turut menegaskan bahawa penjaga informal (*informal caregivers*) di kawasan luar bandar terpaksa meluangkan masa penjagaan harian yang jauh lebih panjang (secara purata 24.4 jam seminggu) berbanding di bandar, namun mereka kurang menerima sokongan kebajikan atau fleksibiliti daripada majikan, sekali gus meningkatkan risiko kemerosotan kesihatan fizikal penjaga itu sendiri.

Dinamika Sinergi Sistem Sokongan Informal (ISS) dan Formal (FSS) di Asia

Di negara-negara berkembang Asia seperti China, sistem sokongan informal (ISS) yang berpaksikan keluarga dan komuniti merupakan “talian hayat” yang paling dominan bagi warga emas luar bandar, terutamanya ketika sistem keselamatan sosial formal (FSS) kerajaan masih di fasa peralihan dan belum mencukupi (Zhang & Li, 2022). Di bawah pengaruh nilai-nilai budaya konfucianisme yang kuat, kajian di Shaanxi mendedahkan bahawa konsep “membela anak untuk hari tua” (*raising children for old age*) kekal menjadi pemacu utama dalam kelangsungan rawatan kesihatan warga emas di luar bandar berbanding di kawasan bandar yang lebih berciri individualistik.

Kajian oleh Guo dan Liu (2020) mengukuhkan premis ini dengan membuktikan bahawa kekerapan hubungan fizikal dengan anak-anak serta penerimaan bantuan kewangan keluarga berkorelasi secara langsung dengan peningkatan kualiti hidup (*Health-Related Quality of Life* - HRQOL) warga emas luar bandar. Sungguhpun begitu, Zhang dan Li (2022) memberikan perspektif kritikal menerusi Teori Pertukaran Sosial, iaitu kebergantungan fizikal yang melampau kepada anak-anak (penerimaan bantuan sehalu tanpa kemampuan membalasnya semula) dikesan boleh menurunkan rasa keberkesanan sendiri (*self-efficacy*) serta memberikan beban psikologi yang berat dalam bentuk perasaan bersalah (*guilt*) dalam kalangan warga emas. Oleh itu, penggabungan yang seimbang antara bantuan kewangan formal kerajaan dan sokongan emosi informal komuniti adalah sangat dituntut (Zhang & Li, 2022).

Model Sokongan Rakan Sebaya (Peer-to-Peer) dan Pemerkasaan Komuniti di Eropah

Sebaliknya, di negara-negara Eropah seperti Belanda, kekangan bajet kesihatan dan peningkatan populasi menua yang drastik telah mendorong reformasi polisi kebajikan yang beralih daripada “penjagaan berasaskan institusi formal” kepada “pemerkasaan sokongan informal komuniti” (Pani-Harremans *et al.*, 2021). Di bawah pendekatan ini, komuniti luar bandar digalakkan untuk mewujudkan rangkaian sokongan informal sesama warga emas (*mutual peer support*) bagi merangsang penuaan aktif.

Kajian kes berganda oleh Same *et al.* (2024) membuktikan bahawa penyediaan pusat pertemuan kariah atau komuniti (*central meeting places*) yang selamat dan inklusif adalah sangat penting dalam membina atmosfera sosial (*group atmosphere*) yang sihat. Pusat komuniti ini bukan sahaja bertindak sebagai ruang fizikal untuk aktiviti riadah, malah menjadi platform sosial di mana warga emas yang masih sihat secara sukarela memantau, menemani, dan membantu menguruskan warga emas lain yang lebih uzur di kejiranan mereka. Model sokongan rakan sebaya (*peer-to-peer*) ini terbukti sangat berkesan dalam mengurangkan

kadar kemurungan, mengatasi isolasi emosi, serta mengoptimalkan kos pengoperasian kebajikan kerajaan secara mampan.

METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini membincangkan reka bentuk dan pendekatan kajian yang digunakan untuk menerokai sistem sokongan informal serta pengalaman penuaan wanita warga emas tunggal di kawasan luar bandar Perlis. Perincian fasa metodologi ini adalah penting bagi memastikan kajian ini mempunyai keutuhan data (*rigour*) dan kesahan (*validity*) yang tinggi.

Reka Bentuk Kajian

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk etnografi berfokus. Pendekatan kualitatif ini dipilih kerana ia berupaya mendedahkan perspektif, emosi dan makna yang mendalam terhadap pengalaman hidup harian (*lived experiences*) informan kajian dalam konteks semula jadi mereka (Bogdan & Biklen, 2007).

Reka bentuk etnografi berfokus merupakan satu adaptasi metodologi pragmatik daripada etnografi klasik. Berbeza dengan etnografi tradisional yang memerlukan penyelidik menetap (*immersion*) dalam sesebuah komuniti selama bertahun-tahun tanpa fokus yang khusus, etnografi berfokus dijalankan dalam jangka masa yang lebih pendek, terhad dan berorientasikan kepada penerokaan amalan sosial atau sub-kumpulan komuniti yang spesifik (Knoblauch, 2005; Wall, 2015).

Reka bentuk ini amat bersesuaian dengan kajian ini kerana:

1. Pendekatan ini membolehkan penyelidik memaksimumkan pengetahuan sedia ada (*cultural familiarity*) mengenai dialek dan budaya Perlis untuk merancang proses kutipan data secara bersasaran.
2. Pendekatan ini merupakan kaedah yang sangat efisien untuk mengumpul maklumat mikro-antropologi yang padat bagi tujuan pembangunan dasar sosial dalam tempoh masa yang terhad (Cruz & Higginbottom, 2013).
3. Pendekatan ini memfokuskan kepada rutin dan interaksi seharian (seperti Aktiviti Kehidupan Harian (ADL) dan interaksi bersama jiran atau masjid) dalam kalangan sub-kumpulan khusus (wanita warga emas tunggal luar bandar).

Instrumen Kajian

Dalam penyelidikan kualitatif bercorak etnografi, penyelidik sendiri bertindak sebagai instrumen utama dalam proses pengumpulan, penafsiran dan penganalisan data (Cruz & Higginbottom, 2013). Bagi meminimumkan subjektiviti dan memastikan kebolehpercayaan instrumen, beberapa instrumen sokongan telah dibangunkan dan digunakan:

1. Protokol Temu Bual Separa Berstruktur: Protokol ini digubal berdasarkan objektif kajian dan sorotan karya bagi memandu sesi temu bual. Protokol ini merangkumi empat dimensi utama:
 - Dimensi Demografi & Latar Belakang: Umur, status kesihatan (kehadiran penyakit kronik, Osteoarthritis lutut, risiko kerapuhan fizikal) dan sejarah perkahwinan.
 - Dimensi Pengalaman Hidup Tunggal: Rutin harian, pengurusan ADL secara berdikari dan cabaran emosi (kesunyian, sindrom sarang kosong).
 - Dimensi Dinamika Sokongan Informal: Peranan jiran tetangga, penyertaan dalam aktiviti masjid kariah serta bantuan daripada program komuniti (seperti PVAC atau Ziarah Kasih).

- Dimensi Hubungan dengan Perlindungan Formal: Pengalaman memohon bantuan JKM (BWE), bantuan zakat MAIPs, dan persepsi terhadap alternatif institusi.
2. Protokol Pemerhatian (*Field Notes Template*): Buku penulisan nota lapangan yang tersusun digunakan semasa pemerhatian ikut serta. Instrumen ini merekodkan keadaan fizikal tempat tinggal warga emas (aspek keselamatan dan mesra usia), tahap keupayaan mobiliti mereka semasa menguruskan diri (seperti mengambil wuduk), serta reaksi spontan dan interaksi sosial mereka dengan jiran atau amil yang datang melawat.
 3. Jurnal Reflektif Penyelidik: Jurnal ini digunakan secara konsisten oleh penyelidik untuk mencatatkan pemikiran peribadi, andaian awal serta tindak balas emosi semasa berada di lapangan serta bertindak sebagai alat pemantau reflektiviti bagi mengurangkan bias tafsiran.

Kaedah Pengutipan Data

Prosedur pengutipan data dijalankan secara sistematik di lapangan luar bandar Perlis menerusi fasa berikut:

1. Persampelan dan Pemilihan Informan: Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang digabungkan dengan persampelan bola salji (*snowball sampling*) bagi mengesan subjek yang terpencil di kawasan pedalaman (Cruz & Higginbottom, 2013). Saringan dilakukan berdasarkan kriteria rangkuman: wanita berumur 60 tahun ke atas, tinggal sendirian (balu atau tunggal), menetap di luar bandar Perlis dan bebas daripada demensia kronik atau masalah pertuturan yang menghalang komunikasi (eWarga Emas, 2024).
2. Pemerhatian Ikut Serta (*Participant Observation*): Penyelidik mengambil peranan sebagai Pemerhati-sebagai-Peserta (*Observer-as-Participant*), di mana kehadiran dan tujuan kajian dimaklumkan secara jujur kepada informan dan komuniti kariah masjid (Wall, 2015). Penyelidik meluahkan masa mengikut rutin harian informan.
3. Temu Bual Mendalam (*In-depth Interview*): Sesi temu bual dijalankan secara santai di rumah informan bagi mengurangkan tekanan psikologi. Temu bual dirakam secara audio menggunakan peranti digital setelah mendapat kebenaran bertulis (*informed consent*) daripada informan.

Kaedah Analisis Data (Analisis Tematik)

Data kualitatif yang diperoleh daripada transkripsi verbatim temu bual mendalam, nota lapangan pemerhatian dan jurnal reflektif dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik (*Thematic Analysis*). Analisis ini dijalankan secara induktif bagi membolehkan tema-tema berkaitan sistem sokongan muncul secara organik daripada data mentah.

Prosedur analisis data ini dilaksanakan dengan mematuhi rangka kerja enam fasa oleh Braun dan Clarke (2006):

1. Fasa 1: Familiarisasi dengan Data.
2. Fasa 2: Penjanaan Kod Awal.
3. Fasa 3: Pencarian Tema.
4. Fasa 4: Penyemakan Tema.
5. Fasa 5: Pentakrifan dan Penamaan Tema.
6. Fasa 6: Penulisan Laporan.

Pertimbangan Etika Kajian

Memandangkan penyelidikan ini melibatkan interaksi langsung dengan kumpulan rentan, pertimbangan etika yang ketat telah dilaksanakan (eWarga Emas, 2024; Wall, 2015). Setiap informan diberikan borang maklumat kajian dan borang kebenaran bertulis (*informed consent*)

yang menerangkan hak mereka untuk menarik diri pada bila-bila masa tanpa sebarang kesan. Bagi melindungi privasi dan kerahsiaan informan, nama sebenar mereka digantikan dengan nama samaran (pseudonim) bagi tujuan pelaporan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membentangkan dapatan hasil analisis sosiokultural melalui pengalaman penuaan harian empat informan wanita warga emas Tunggal di pedalaman Perlis. Bagi menterjemahkan realiti sosiokultural informan, profil ringkas informan seperti berikut:

INFORMAN (BUKAN NAMA SEBENAR)	UMUR	LOKASI	KEADAAN FIZIKAL & KESIHATAN	SUMBER KEWANGAN UTAMA
Nek Jah	68	Padang Besar	Self-ambulatory, empty nest, kesunyian emosi	Bantuan anak tidak menentu
Kak Som	63	Chuping	Darah tinggi ringan, kognitif baik, aktif	Bantuan anak, upah kerja kampung
Wan Salmah	76	Chuping	Osteoarthritis lutut, kencing manis, kekangan ADL	Pencen arwah suami, bantuan anak.
Tok Nab	64	Padang Besar	Kekangan ADL (Tidak berkahwin)	Bantuan warga emas (BWE), Zakat Bulanan MAIPs

Menerusi analisis tematik, sebanyak tiga tema utama telah dikenal pasti.

Tema 1: Jiran Tetangga sebagai Quasi-Kinship

Dalam antropologi tubuh (*anthropology of the body*), proses penuaan tidak dipandang sebagai kemerosotan biologi semata-mata, melainkan satu proses penubuhan (embodiment) di mana tubuh fizikal menjadi tapak pengalaman sosial dan pembatasan spatial (Shilling, 2003). Bagi wanita warga emas tunggal di pedalaman Perlis, tubuh yang menua mengalami osteoarthritis lutut yang secara langsung mengubah cara mereka berinteraksi dengan ruang kediaman mereka.

Etnografi di perkampungan luar bandar Perlis mendedahkan bahawa jiran tetangga tidak sekadar bertindak sebagai entiti geografi yang berhampiran, sebaliknya berfungsi sebagai quasi-kinship (persaudaraan fiksiyen/kuasi) yang mengisi kekosongan struktur keluarga asal. Apabila anak-anak terpaksa berhijrah keluar dari Perlis akibat desakan ekonomi perindustrian (Muhammad Azmir, 2025), hubungan kejiwaan yang erat bertindak sebagai responden pertama dalam ekonomi moral penjagaan (moral economy of care). Fenomena ini selari dengan Teori Sokongan Sosial iaitu rangkaian kejiwaan menyediakan sokongan instrumental dan emosi harian yang berfungsi sebagai kesan pemampatan (buffering effect) terhadap pengasingan sosial (Cohen & Wills, 1985).

Semasa pemerhatian ikut serta di rumah kayu milik Wan Salmah (76 tahun) di Chuping, penyelidik memerhatikan bagaimana serambi rumahnya yang menghadap ke kebun getah bertindak sebagai ruang liminal yang menghubungkan dirinya dengan dunia luar. Beliau mengalami osteoarthritis lutut yang membataskan mobilitinya secara drastik.

Wan menceritakan peranan jirannya, Timah, dengan penuh emosi:

"Lutut Wan ni ligan sakit (sakit yang berlarutan), nak menapak (berjalan) pi dapur pun heret kaki. Anak-anak pakat dok belah KL, Kedah, nun Pulau Pinang cari makan. Jiran sebelah rumah nilah, si Timah... hari-hari dia pakat hantaq lauk, tanya khabaq. Kalau Wan tumbang (jatuh) ka apa ka, dia la pakat usung (bawa) pi klinik." (Wan Salmah, 76 tahun).

Naratif Wan membuktikan bahawa Timah bukan sekadar menghantar makanan, tetapi kehadirannya secara berkala adalah satu bentuk ritual pemantauan sosial yang spontan. Tindakan ini memberikan rasa selamat kepada Wan, sekali gus memampkan tekanan psikologi akibat hidup bersendirian.

Analisis sosiologi terhadap kes ini mengukuhkan premis bahawa kualiti sokongan sosial, bukannya kuantiti hubungan yang menjadi penentu utama kepada kesejahteraan subjektif warga emas (Wang *et al.*, 2020). Begitu juga dengan kes Nek Jah (68 tahun) di pedalaman Padang Besar yang mengalami *Self-ambulatory, empty nest* dan kesunyian emosi. Beliau amat bergantung kepada sokongan instrumental jiran untuk mendapatkan barangan keperluan asas:

"Nek Jah tak larat dah nak pi beli barang dapur. Mujoq (nasib baik) ada anak jiran sebelah, si matl... dia rajin pakat belikan gambiaq (gambir), beras, ubat... Nek Jah bagi duit ja. Kalau dak (jika tidak), Nek Jah tak makan la hari tu." (Nek Jah, 68 tahun).

Dari perspektif antropologi, tindakan Mat membuktikan bahawa dalam masyarakat luar bandar Perlis, wujud satu persetujuan sosial yang tidak bertulis (*social contract*) yang mewajibkan golongan muda menyantuni warga tua di kariah mereka. Namun, pertolongan jiran ini mempunyai risiko kerapuhan yang ketara. Kerana sokongan kejiwaan ini adalah bersifat sukarela dan berasaskan ihsan moral, ia tidak mempunyai struktur kelestarian jangka panjang. Jiran-jiran sendiri mempunyai komitmen ekonomi masing-masing, serta tidak dilengkapi dengan kemahiran penjagaan kesihatan geriatrik yang profesional untuk menangani penyakit kronik yang kompleks (RTM, 2026).

Tema 2: Masjid Kariah sebagai Locus Modal Sosial dan Pembinaan Habitus Sosio-spiritual

Tema kedua mendedahkan peranan penting masjid kariah di luar bandar Perlis sebagai locus modal sosial dan ruang untuk mengekalkan habitus (amalan sosiokultural) yang aktif. Berasaskan Teori Sokongan Sosial, penglibatan aktif dalam aktiviti keagamaan di masjid membolehkan wanita warga emas tunggal membina semula jaringan sokongan emosi dan maklumat yang telah terjejas akibat kematian pasangan atau penghijrahan anak-anak.

Bagi Kak Som (68 tahun) di Chuping, masjid kariah bertindak sebagai penawar sosiokultural kepada kesunyian yang dialaminya:

"Rumah ni sunyi semacam sejak pak depa takda (suami meninggal). Anak-anak balik raya ja, lepas tu sunyi balik... sarang kosong bak hang (seperti yang dikatakan orang). Sebab tu Nek Som suka pi masjid. Ada kuliah dhuha, ada mengaji... Jumpa kawan-kawan sebaya, boleh sembang, hilang sikit rimas dok pikiaq sorang-sorang kat rumah." (Nek Som, 68 tahun)

Di masjid, kak Som membina semula identiti sosialnya yang terpinggir daripada fungsi domestik di rumah. Interaksi harian bersama rakan sebaya semasa kuliah dhuha membolehkan mereka berkongsi pengalaman hidup (*shared experiences*) yang secara langsung bertindak sebagai sokongan emosi yang menepis pengasingan sosial.

Kuliah agama dan perbualan santai di serambi masjid membekalkan sokongan emosi dan maklumat (seperti maklumat kesihatan atau skim bantuan zakat) yang menepis perasaan terasing (Hussein *et al.*, 2022).

Menariknya, menerusi lensa Teori Pertukaran, masjid memberikan platform terbaik bagi warga emas untuk menjadi penyumbang aktif. Di masjid, mereka tidak lagi diposisikan sebagai “penerima bantuan asnaf” yang lemah, sebaliknya menjadi subjek yang memberi sumbangan moral, membersihkan ruang solat atau menyediakan hidangan ringan kariah. Nek Som menambah:

“kak Som pi masjid bukan saja-saja dok dengaq kuliah. kak Som tolong pakat sapu daun kering kat laman masjid, lipat telekung..rasa best(hebat dan bermakna) sikit diri kita ni, ada juga jasa kat rumah Allah, bukan dok melangut (menung) saja menyusahkan orang.” (kak Som, 68 tahun)

Sumbangan fizikal yang kecil ini membolehkan Kak Som berasa interaksi sosialnya adalah saksama dan produktif yang secara drastik meningkatkan harga diri (*subjective well-being*) dan kebahagiaan di usia tuanya (Thoits, 2011).

Walau bagaimanapun, keupayaan warga emas wanita untuk mengakses ruang budaya ini amat bergantung kepada kesediaan prasarana yang mesra usia (Zainal & Mustapha, 2024). Semasa pemerhatian di masjid kariah Padang Besar, penyelidik mendapati pengubahsuaian fizikal yang inklusif memberikan impak yang besar kepada agensi fizikal informan. Tok Nab (64 tahun) menjelaskan:

“ Tok Nab gagah (berusaha) pi masjid juga sebab la ni masjid kariah kami dah ada tempat wuduk mesra duduk. Dulu payah... lantai licin, Tok Nab takut jatuh. Sekarang dah ada pemegang (handrails), tandas pun luas. Rasa selesa nak pi ibadah.” (Kak Nab, 63 tahun)

Syarat fizikal seperti tandas mesra kerusi roda, laluan kerusi roda yang rata dan sinki wuduk mesra duduk adalah sangat penting untuk membolehkan warga emas wanita mengekalkan agensi fizikal dan penglibatan sosiokultural mereka dalam komuniti. Masjid telah beralih peranan daripada sebuah entiti pasif kepada hub dinamik yang membolehkan ahli kariah menyalurkan sokongan moral dan empati secara terancang dan sekali gus mengoptimumkan fungsi masjid sebagai hub kebajikan sosial komuniti yang inklusif.

Tema 3: Dilema Resiprositi, Agensi Sosial dan Kos Moral dalam Jaringan Bantuan

Dapatan kajian yang paling menarik muncul daripada analisis kritikal ke atas kedudukan sosioekonomi informan menerusi lensa Teori Pertukaran Sosial dan konsep resiprositi Marcel Mauss. Dalam ekonomi moral kampung, penerimaan bantuan secara sepihak tanpa keupayaan untuk membalas semula (*non-reciprocal exchange*) dialami oleh informan sebagai satu kos moral yang berat. Penerimaan sumbangan (zakat atau bantuan kebajikan formal) sering kali menimbulkan perasaan “segan”, “malu”, atau bimbang akan kehilangan maruah sosial (*social face*) atau air muka dalam kalangan masyarakat setempat.

Tok Nab (64 tahun) di Padang Besar yang menerima Bantuan Warga Emas (BWE) sebanyak RM350 sebulan daripada JKM, mendedahkan konflik moral yang dialaminya:

“Bantuan kebajikan RM350 sebulan tu lepas beli ubat dengan beras ja, la ni semua barang pakat mahai (mahal). Zakat MAIPs ada la bantu hantaq dapu kering (barang makanan asas). Tapi ketaq lutut juga (rasa gementar dan segan). rasa segan asyik tadah tangan ja kat jiran dengan amil, tapi kita tak dapat nak tolong depa balik. Rasa macam menyusahkan orang...” (Tok Nab, 64 tahun,)

Dari sudut antropologi, ungkapan “ketaq lutut” dan “sega” Kak Nab bukan sekadar luahan emosi, melainkan ekspresi kemerosotan agensi dan kedudukan sosialnya dalam struktur masyarakat. Bantuan RM350 yang disediakan oleh kerajaan didapati tidak mencukupi kerana hanya merangkumi sekitar 40% daripada keperluan perbelanjaan harian (Bank Negara Malaysia, 2022).

Bagi mengimbangi semula ketidakseimbangan resiprositi ini dan memelihara harga diri mereka, informan secara aktif mempamerkan agensi sosial mereka dengan menggunakan simbolik modal (wisdom, doa atau hasil bumi) sebagai alat pertukaran timbal-balik. Penyelidik memerhatikan Wan Salmah di Chuping secara konsisten memberikan hasil buah-buahan kampung kepada jirannya yang menghantar lauk:

“Tok Wan segan gila (sangat segan) kat Timah tu. Dia hari-hari mai hantaq makanan. Tok Wan tak larat nak balas balik bagi lauk basah... Tok Wan doa ja la bagi murah rezeki dia, dengan kalau ada buah kat pokok ni, Tok Wan suruh dia pakat luruh (kait) bawa balik.” (Wan Salmah, 76 tahun,)

Pemberian rambutan dan doa oleh Wan Salmah adalah satu bentuk resiprositi simbolik di bawah Teori Pertukaran Sosial. Ini membuktikan bahawa wanita warga emas tunggal bukanlah subjek pasif yang hanya menerima bantuan secara daif, sebaliknya mereka adalah aktor sosial yang mempunyai agensi yang berusaha keras untuk memelihara harga diri dan maruah sosial mereka dalam rangkaian sosiokultural kampung.

Dilema perlindungan formal ini diburukkan lagi oleh kelemahan tadbir urus fizikal di peringkat agensi negeri seperti yang pernah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara mengenai MAIPs dan JKM Perlis (Jabatan Audit Negara, 2018). Nek Jah (68 tahun) meluahkan kekecewaannya terhadap kelewatan bantuan baik pulih rumah asnaf yang uzur:

“Rumah Tok Jah ni bocoq (bocor) kot dapu (bahagian dapur). JKM dengan amil ada mai tengok (melawat), katanya nak tolong baiki bawah peruntukan asnaf. Tapi lama dah tunggu. setahun lebih dah, takda pakat mai (tiada siapa datang) lagi. Nek Jah pasrah ja la dok tadah besen kalau hujan lebat.” (Nek Jah, 68 tahun).

Kelewatan pengurusan bantuan fizikal ini membuktikan bahawa sistem perlindungan formal yang tidak cekap boleh mengganggu keselamatan fizikal warga emas, sekali gus memaksa mereka untuk terus bergantung sepenuhnya kepada sistem kejiwaan yang sedia terbeban. Sinergi yang tidak seimbang ini menekankan peri pentingnya melaksanakan pembaharuan dasar yang mengutamakan pemerkasaan kebajikan berasaskan komuniti (*community-based care*) seperti program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) yang terbukti menjimatkan peruntukan kerajaan sehingga 74.71% berbanding penjagaan berasaskan institusi di RSK.

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Penyelidikan antropologi ini merumuskan bahawa kelangsungan hidup wanita warga emas tunggal di luar bandar Perlis adalah bersandar kepada kekuatan jaringan informal yang digerakkan oleh sistem kejiwaan (kuasi-kinship) dan habitus sosio-spiritual di masjid kariah. Dapatan kajian menunjukkan fasa penuaan wanita warga emas tunggal di luar bandar Perlis bukan sebagai kemerosotan biologi yang pasif, melainkan sebagai krisis sosiokultural yang dinegosiasikan secara aktif oleh subjek kajian. Analisis dapatan berasaskan Teori Sokongan Sosial membuktikan bahawa kewujudan jaringan tidak formal (kejiwaan dan masjid kariah) bukan sekadar mekanisme kelangsungan fizikal harian. Sebaliknya, ia bertindak sebagai instrumen pelindung kewujudan sosial warga emas ketika didepan dengan “kemiskinan hubungan” akibat pemecahan struktur kekerabatan tradisional Melayu luar bandar.

Walau bagaimanapun, Teori Pertukaran Sosial yang dibaca melalui lensa resiprositi moral Marcel Mauss (2002) mendedahkan satu paradoks kritikal dalam sistem bantuan formal. Skim perlindungan formal sedia ada yang dipacu secara paternalistik dan transaksional oleh agensi seperti JKM dan MAIPs kerap kali mengenakan “kos moral” yang mencederakan air muka (prestige sosial) warga emas asnaf. Pergantungan bantuan secara *sepihak (non-reciprocal beneficence)* dirasakan sebagai beban psikososial yang merendahkan maruah diri. Sebaliknya, sumbangan bukan material (wisdom, khidmat sukarela mengemas masjid, resiprositi simbolik dengan hasil bumi) menjadi instrumen agensi yang dimobilisasikan secara aktif oleh warga emas untuk memulihkan perimbangan kuasa sosial mereka dalam ekosistem kariah.

Sehubungan itu, ketika negara sedang mempercepatkan penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Warga Emas (Nancy Shukri, 2026; Lee Lam Thye, 2026), kerangka dasar kebajikan awam di Perlis perlu beralih daripada orientasi kebajikan berasaskan institusi (*institutional care*) kepada pemerksaan ekosistem komuniti (*ageing in place*) yang menghormati martabat dan hak asasi warga emas. Cadangan polisi yang dikemukakan bagi mengurangkan “kemiskinan hubungan” dan memperkasakan agensi sosial wanita warga emas tunggal di luar bandar Perlis adalah seperti berikut:

Rekonstruksi "Ekonomi Moral Penjagaan" Menerusi Skim Pendampingan Kariah

Modul Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) JKM dicadangkan untuk diintegrasikan dengan dana zakat asnaf MAIPs bagi mewujudkan skim “Pengurus Penjagaan Kariah” (*Kariah Care Managers*). MAIPs boleh membiayai wanita atau belia luar bandar yang menganggur di kariah berkenaan untuk dilatih sebagai pembantu ADL bertauliah. Inisiatif ini bukan sahaja menstrukturkan ekonomi moral kariah secara sistematik dan menjimatkan kos fiskal kerajaan sehingga 74.71% berbanding pengoperasian institusi RSK, malah membina jaringan quasi-kinship yang selamat bagi memastikan warga emas menua dengan terhormat di rumah sendiri tanpa merasai diri mereka disisihkan.

Mengangkat Masjid sebagai Locus Pertukaran Simbolik dan Kebajikan Mesra Usia

Peranan masjid luar bandar Perlis perlu diangkat secara proaktif melebihi fungsi teologi tradisional. MAIPs harus menguatkuasakan piawaian masjid mesra warga emas secara fizikal (faucet sensor wuduk, pemegang tangan tandas dan laluan bebas hambatan kerusi roda) menerusi dana wakaf khas. Di samping itu, program pendampingan seperti Projek O.P.P.A harus diinstitusikan secara formal di bawah jawatankuasa kariah. Masjid harus ditransformasikan sebagai ruang pertemuan intergenerasi yang melibatkan kerjasama sukarelawan UniMAP dan belia setempat iaitu kepakaran, hikmah dan bimbingan moral warga emas wanita diraikan secara aktif. Ini bagi menukarkan status mereka daripada “penerima bantuan” yang segan kepada “penyumbang nilai” yang disegani.

Pendigitalan Pengurusan Asnaf yang Menjaga Air Muka

Bagi membasmi kelemahan pengurusan fizikal bantuan (seperti isu baik pulih rumah asnaf yang terbengkalai) serta mengurangkan birokrasi, pangkalan data mikro-geografi yang berpusat perlu dibentuk menerusi integrasi Sistem SiSPA MAIPs dengan e-Kasih JKM. Amil kariah masjid perlu dilengkapi dengan aplikasi digital untuk mendaftarkan dan menilai status ADL serta keperluan perumahan warga emas tunggal di bawah kariah secara masa nyata (*real-time*). Penilaian berasaskan risiko ini membolehkan agensi kebajikan menghantar bantuan secara proaktif (*social outreach*), sekali gus menyingkirkan keperluan bagi warga emas tunggal untuk melalui proses “memohon dan mempamerkan kedaifan” secara awam yang mencederakan air muka mereka.

RUJUKAN

- Bank Negara Malaysia. (2022). Tinjauan ekonomi dan monetari 2022. Bank Negara Malaysia.
- Berg-Weger, M., & Morley, J. E. (2020). Loneliness and social isolation in older adults during the COVID-19 pandemic. *The Journal of Nutrition, Health & Aging*, 24(5), 456–458.
- Bogdan, R., & Biklen, S. K. (2007). *Qualitative research for education: An introduction to theories and methods* (5th ed.). Allyn & Bacon.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Chen, Y., Alston, M., & Guo, J. (2019). The social marginalisation of older women in rural areas. *Journal of Rural Studies*, 72, 110–118.
- Cohen, S., & Wills, T. A. (1985). Stress, social support, and the buffering hypothesis. *Psychological Bulletin*, 98(2), 310–357.
- Cruz, E. V., & Higginbottom, G. (2013). The use of focused ethnography in nursing and healthcare research. *Nurse Researcher*, 20(4), 36–43.
- Dowd, J. J. (1975). Aging as exchange: A preface to theory. *Journal of Gerontology*, 30(5), 584–594.
- Dowd, J. J. (1984). Beneficence and the aged. *Journal of Gerontology*, 39(1), 102–108.
- Hammersley, M., & Atkinson, P. (1995). *Ethnography: Principles in practice* (2nd ed.). Routledge.
- Homans, G. C. (1958). Social behavior as exchange. *American Journal of Sociology*, 63(6), 597–606.
- Hussein, S. Z., Khalip, N., *et al.* (2022). Social support and loneliness among rural older adults. *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences*, 26(2), 45–53.
- Jabatan Audit Negara. (2018). Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1: Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis. Jabatan Audit Negara Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2005). Isu-isu kependudukan dan migrasi di Malaysia. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). Anggaran penduduk semasa, Malaysia, 2022. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025). Anggaran penduduk semasa, negeri dan daerah pentadbiran, 2025. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2026). Statistik populasi warga emas Malaysia. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2026). Dasar warga emas negara dan pelan tindakan warga emas negara. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia.
- Knoblauch, H. (2005). Focused ethnography. *Forum Qualitative Sozialforschung*, 6(3), Art. 44
- Lee Lam Thye. (2026, Jun 21). RUU Warga Emas kukuhkan perlindungan hak, kebajikan. Utusan Malaysia.
- Mohamad Fadli. (2026, April 20). Warga emas tinggal sendirian meningkat ketara, kata Dzulkefly. *Free Malaysia Today*.
- Muhammad Azmir, A. (2025, Disember 11). Penghijrahan belia punca Perlis menuju negeri menua. *Utusan Malaysia*.
- Murphy, E., Dingwall, R., Greatbatch, D., Parker, S., & Watson, P. (1998). Qualitative research methods in health technology assessment: A review of the literature. *Health Technology Assessment*, 2(16), 1–274.
- Pani-Harremman, M. T., Ruwaard, D., & Kempen, G. I. (2021). Relying on informal support in long-term care: Perspectives of older people in the Netherlands. *Health & Social Care in the Community*, 29(4), 1102–1111.
- Shuffler, J. (2022). Challenges experienced by rural informal caregivers of older adults: A scoping review (Unpublished master's thesis). University of Texas at Arlington.
- Thoits, P. A. (2011). Mechanisms linking social ties and support to physical and mental health. *Journal of Health and Social Behavior*, 52(2), 145–161.

- United Nations Economic Commission for Europe. (2015). Older persons in rural and remote areas (UNECE Policy Brief on Ageing No. 18). United Nations.
- Wall, S. (2015). Focused ethnography: A methodological adaptation for social research in emerging contexts. *Forum Qualitative Sozialforschung*, 16(1), Art. 1.
- Wan Ibrahim, W. A. (2007). Sokongan formal dan tidak formal dalam kalangan warga tua di Malaysia. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, 32(2), 24–35.
- Woerman, N. (2012). On the beat: Focused ethnography as an approach in medical education and consumer research. *Medical Education*, 46(1), 110–120.
- Xia, Y., Same, A., & Siira, H. (2024). Stimulating mutual informal support among community-dwelling older people: A qualitative multiple-case study in the Netherlands. *The Gerontologist*, 65(6), 801–812.
- Zainal, A. S., & Mustapha, M. (2024). Pelan strategik pengupayaan peranan institusi masjid mesra warga emas. *Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)*.
- Your J. W. J., & Li, S. Z. (2022). The health effects of informal social support on the community-dwelling older adults: A moderating role of formal social support. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 19(4), 2444–2458.
- Zhang, L., & Li, Y. (2022). Synergy of informal and formal social support in Shaanxi healthcare services. *Frontiers in Public Health*, 10, 851–863.